


(KERTAS :37/2020)



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

**KERTAS PENILAIAN UNTUK PERTIMBANGAN
JAWATANKUASA SEBUT HARGA 'B'**

TAJUK:

**PERKHIDMATAN SUNTINGAN VIDEO BAGI WEBINAR NEXUS PRODUKTIVITI
AGRO-MAKANAN (AFPN)**

TEMPOH: OKTOBER - DISEMBER 2020 (3 BULAN)



LAPORAN JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA

PERKHIDMATAN SUNTINGAN VIDEO BAGI WEBINAR NEXUS PRODUKTIVITI AGRO-MAKANAN

OKTOBER - DISEMBER 2020 (3 BULAN)

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Laporan ini adalah bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga B bagi perkhidmatan suntingan video bagi sepuluh (10) video webinar yang telah dan akan dijalankan oleh Nexus Produktiviti Agro-Makanan (AFPN). Perkhidmatan suntingan ini akan bermula dari bulan oktober sehingga disember 2020.
- 1.2 Perkhidmatan ini akan menggunakan peruntukan AFPN-SPN sebanyak RM38,000 yang telah mendapat kelulusan BOM Bil. 224/2020 pada 10 Februari 2020.

2.0 LATAR BELAKANG PROGRAM

- 2.1 Dalam situasi Pandemik COVID-19 yang telah berlaku, Nexus Produktiviti Agro Makanan (AFPN) mengambil inisiatif untuk membantu syarikat PKS yang sedang menghadapi kesukaran dalam perniagaan melalui beberapa siri perkongsian ilmu melalui platform webinar. AFPN telah menerapkan konsep pendekatan secara maya untuk membantu syarikat PKS dalam meningkatkan produktiviti semasa pandemik.
- 2.2 Siri webinar ini dianjurkan untuk memberikan maklumat yang boleh membantu syarikat meneruskan operasi perniagaan dan berada di dalam industri ini. Selain itu juga, sesi webinar ini dapat memberikan idea dan cadangan penambahbaikan syarikat dalam mengembangkan perniagaan. Salah satu contoh webinar yang telah diadakan seperti pertanian kontrak di mana penceramah dapat berkongsi kelebihan pertanian berkonsepkan kontrak.
- 2.3 Melalui pertanian kontrak, syarikat dapat menjamin kewujudan pasaran dan seterusnya meningkatkan pendapatan, mempertingkatkan pengeluaran melalui perancangan pengeluaran dan pemasaran bersistematik, mempercepatkan pemindahan teknologi di dalam rantai bekalan dan juga memastikan pengeluaran hasil pertanian yang berkualiti dan mapan serta menepati kehendak pasaran. Bagi memastikan siri webinar seperti ini dapat ditonton oleh pemain industri yang lain maka video-video ini perlu disunting dan dimuatnaik ke dalam saluran-saluran media MPC/PCD/AFPN yang ada.

3.0 KAEDAH PENILAIAN TAWARAN

3.1 Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga yang menilai tawaran-tawaran yang diterima adalah seperti berikut:

- (a) Pengerusi - Puan Norazlina Tun Ibrahim
- (b) Ahli 1 - Cik Nor Adira Adnan
- (c) Ahli 2 - En. Mohd Amirol Md. Khair

3.2 Sebanyak 3 sebut harga telah dinilai berdasarkan dokumen sebut harga yang dikemukakan di mana 3 kriteria utama telah digunakan bagi meneliti tawaran perkhidmatan iaitu:

- (a) Kriteria 1: Harga yang terendah
- (b) Kriteria 2: Menepati spesifikasi teknikal
- (c) Kriteria 3: Pengalaman dalam bidang berkaitan

4.0 JADUAL KERJA DAN PEMBAYARAN

4.1 Sebanyak 10 video webinar akan disunting untuk tujuan dimuat naik ke dalam saluran Youtube MPC/PCDAFPN.

4.2 Berikut disertakan jadual kerja yang perlu dilaksanakan serta fasa pembayaran yang akan dibuat kepada pembekal

JADUAL 1: CARTA PERBATUAN

Bil	Perkara	Okt			Nov			Dis		
1.	Menyunting 5 video (1 – 5)									
2.	Menyerahkan deraf pertama									
3.	Mengemaskini setelah mendapat komen/maklumbalas daripada Nexus Produktiviti Agro-makanan (AFPN)									
4.	Menyerahkan deraf kedua									
5.	Mengemaskini setelah mendapat komen/maklumbalas daripada Nexus Produktiviti Agro-makanan (AFPN)									
6.	Menyerahkan 5 video (1 – 5) terakhir kepada AFPN									
7.	Menyunting 5 video seterusnya (6 – 10)									
8.	Menyerahkan deraf pertama									
9.	Mengemaskini setelah mendapat komen/maklumbalas daripada Nexus Produktiviti Agro-makanan (AFPN)									
10.	Menyerahkan deraf kedua									
11.	Mengemaskini setelah mendapat komen/maklumbalas daripada Nexus Produktiviti Agro-makanan (AFPN)									
12.	Menyerahkan 5 video (6 -10) terakhir kepada AFPN									

4.3 Pembayaran akan dibuat secara berfasa seperti jadual 2 di bawah.

JADUAL 2: FASA PEMBAYARAN

BII.	Aktiviti	Fasa	Peratus pembayaran (%)
1.	Menyerahkan 5 video (1 – 5) terakhir kepada AFPN	1	50
2.	Menyerahkan 5 video (6 -10) terakhir kepada AFPN	2	50

5.0 PENILAIAN SEBUT HARGA

5.1 Sejumlah tiga (3) pembekal telah dihubungi dan mengemukakan sebut harga. Jawatankuasa telah meneliti dan menganalisa kesemua sebut harga yang telah disediakan oleh pihak pembekal.

JADUAL 3: MATRIKS HARGA

AKTIVITI	PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
Webinar Content Video Duration: 30 minutes Output Video: 1080p Quality: HD Editing Graphic: Intro & Outro video Format: MP4	(RM3,800/unit) x 10video	(RM4,370/unit) x 10video	(RM4,750/unit) x 10video
JUMLAH KESELURUHAN	RM38,000.00	RM43,700.00	RM47,500.00

**Kesemua penyebut harga tidak mengenakan cukai perkhidmatan 6%*

5.2 Berdasarkan jadual matriks harga tersebut, harga tawaran terendah ialah **RM38,000.00** dan harga tertinggi adalah **RM47,500.00**.

JADUAL 4: SPESIFIKASI TEKNIKAL

BIL.	SPESIFIKASI	PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
1.	Spesifikasi Teknikal: - Durasi video 30 minit - Output Video: 1080p - Quality: HD - Editing Graphic: Intro & Outro video - Format: MP4	Menepati spesifikasi yang diperlukan	Menepati spesifikasi yang diperlukan	Menepati spesifikasi yang diperlukan

JADUAL 5: PENGALAMAN DALAM BIDANG BERKAITAN

BIL.	PENGALAMAN	PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
1.	Pengalaman dalam bidang suntingan video	• INCEIF Corporate Video • SIRIM Corporate Video • Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah Corporate Video	• CIDB myBIM Video	• SiPKA Montaj Video

5.3 Kriteria pemilihan pembekal adalah seperti jadual 6.

JADUAL 6: KRITERIA PEMILIHAN PEMBEKAL

KRITERIA	SKOR		
	PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
Harga yang terendah	3	2	1
Memenuhi spesifikasi	3	3	3
Pengalaman dalam bidang berkaitan	3	1	1
JUMLAH SKOR	9	6	5

Skor:

0 = Tiada rekod/ tidak menepati keperluan

1 = Tidak memenuhi spesifikasi

2 = Sederhana

3 = Memenuhi spesifikasi

5.4 Berdasarkan jadual matriks analisa, skor terendah adalah penyebut harga 3/3 dan skor tertinggi adalah penyebut harga 1/3.

6.0 KEPUTUSAN DAN SYOR

Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) mengesyorkan Penyebut Harga 1/3 sebagai pembekal bagi perkhidmatan suntingan video bagi semua video webinar yang telah dan akan dijalankan oleh Nexus Produktiviti Agro-Makanan (AFPN) kerana menawarkan harga terendah, memenuhi spesifikasi dan mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan.

Disediakan oleh:





.....
Nama: Nur Fatimah Mohd Zaki
Jawatan: Penolong Pengurus
Tarikh: 5 Oktober 2020

Disemak oleh:



.....
Nama: Safura Abdul Malek
Jawatan: Pengurus
Tarikh: 5 Oktober 2020

DISYORKAN OLEH JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)

Disyorkan:	Disyorkan:	Disyorkan:
		
Nama: Norazlina Tun Ibrahim Pengerusi JPH Tarikh: 5 Okt 2020	Nama: Nor Adira Adnan Ahli JPH Tarikh: 5 Okt 2020	Nama: Mohd Amirol Md. Khair Ahli JPH Tarikh: 5 Okt 2020
Komen/ cadangan: 	Komen/ cadangan: 	Komen/ cadangan: 

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)**

Tarikh : 5 Oktober 2020
Masa : 10.30 pagi
Tempat : MyBPRC, Blok Inovasi, MPC
Tajuk Kertas : Perkhidmatan Suntingan Video Bagi Webinar Nexus Produktiviti Agro-Makanan (AFPN)

Kehadiran:

1. Puan Norazlina Tun Ibrahim
2. Cik Nor Adira Adnan
3. En. Mohd Amirol Md. Khair
4. Puan Nur Fatimah Mohd Zaki

AGENDA

1. Ucapan pengerusi

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli JPH yang telah menghadiri ke mesyuarat bagi membincangkan kertas penilaian perkhidmatan suntingan video bagi webinar AFPN.

2. Latar belakang projek

- a. Dalam situasi Pandemik COVID-19 yang telah berlaku, Nexus Produktiviti Agro Makanan (AFPN) mengambil inisiatif untuk membantu syarikat PKS yang sedang menghadapi kesukaran dalam perniagaan melalui beberapa siri perkongsian ilmu melalui platform webinar. AFPN telah menerapkan konsep pendekatan secara maya untuk membantu syarikat PKS dalam meningkatkan produktiviti semasa pandemik.
- b. Siri webinar ini dianjurkan untuk memberikan maklumat yang boleh membantu syarikat meneruskan operasi perniagaan dan berada di dalam industri ini. Selain itu juga, sesi webinar ini dapat memberikan idea dan cadangan penambahbaikan syarikat dalam mengembangkan perniagaan. Salah satu contoh webinar yang telah diadakan seperti pertanian kontrak di mana penceramah dapat berkongsi kelebihan pertanian berkonsepkan kontrak.
- c. Melalui pertanian kontrak, syarikat dapat menjamin kewujudan pasaran dan seterusnya meningkatkan pendapatan, mempertingkatkan pengeluaran melalui perancangan pengeluaran dan pemasaran bersistematik, mempercepatkan pemindahan teknologi di dalam rantai bekalan dan juga memastikan pengeluaran hasil pertanian yang berkualiti dan mapan serta menepati kehendak pasaran. Bagi memastikan siri webinar seperti ini dapat ditonton oleh pemain industri yang lain maka video-video ini perlu disunting dan dimuatnaik ke dalam saluran-saluran media MPC/PCD/AFPN yang ada.

3. Perbincangan

- a. Suntingan video ini dibuat bertujuan menyampaikan maklumat mengenai produktiviti kepada industri dan syarikat secara kondusif. Sesi webinar ini mendapat sambutan yang tinggi dari petani dan penternak. Walau bagaimanapun, mereka tidak dapat menghadiri sesi tersebut kerana terdapat masalah seperti sedang berada di ladang dan capaian rangkaian internet yang kurang memuaskan untuk menyertai sesi tersebut.
- b. Oleh itu, AFPN perlu menyediakan satu platform secara digital seperti menempatkan video-video webinar tersebut di dalam *Youtube*, *Facebook* dan media sosial yang lain supaya mereka boleh mendapatkan informasi pada bila-bila masa. Oleh yang demikian, AFPN mengambil inisiatif untuk menyediakan video webinar secara interaktif dan padat dengan informasi berkaitan topik yang dibincangkan. Ia juga menjadi salah satu platform rujukan bukan sahaja kepada petani malah kepada individu yang ingin menceburi dalam bidang pertanian dan penternakan.
- c. Secara keseluruhannya, sesi webinar ini diadakan dalam tempoh satu jam atau lebih. Bagi tujuan suntingan, video ini akan disunting bagi tempoh 30 - 40 minit bersama kualiti video HD dan ditambah into dan outro video. Semakan suntingan video akan dilaksanakan oleh pihak sekretariat AFPN sebelum dimuatnaik di media sosial.
- d. Makluman ahli mesyuarat juga, keseluruhan perbelanjaan bagi suntingan video tersebut adalah sebanyak RM38,000.00. Penggunaan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM8,000.00 perlu diambil pada pecahan aktiviti yang lain seperti dinyatakan dalam dalam kertas BOM Bil. 224/2020 bagi perkara 3.

4. Pengesyoran

Mesyuarat mengesyorkan perkhidmatan Suntingan Video Bagi Webinar Nexus Produktiviti Agro-Makanan (AFPN) iaitu dari Oktober - Disember 2020 (3 Bulan) dengan mengambil kira beberapa perkara iaitu pembekal perlulah memenuhi spesifikasi yang diperlukan oleh MPC, harga yang ditawarkan adalah terendah dan berpatutan dengan perkhidmatan yang diberikan, dan juga pembekal mempunyai pengalaman memberikan perkhidmatan kepada MPC yang baik.

Disediakan oleh



(Nur Fatimah Mohd Zaki)
5 Oktober 2020

Disahkan oleh,





(Norazlina Tun Ibrahim)
5 Oktober 2020

Bil Kertas: _____
(Untuk diisi oleh Urusetia
PCT)

SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)

Tarikh : 5 Oktober 2020
Masa : 10.30 pagi
Tempat : MyBPRC, Blok Inovasi, MPC
Tajuk Kertas: PERKHIDMATAN SUNTINGAN VIDEO BAGI
WEBINAR NEXUS PRODUKTIVITI AGRO-
MAKANAN (AFPN)

Bil.	*Nama	Tandatangan
1	NORAZLINA BINTI TUN IBRAHIM	
2	NOR ADIRA ADNAN	
3	MOHD AMIRUL B. MD KHAIR.	
4	Nur Fatimah Mohd Zau	

***Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH)**

Merujuk kepada mesyuarat di atas, kami adalah dengan sesungguhnya dan seterusnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Kami telah menjalankan tugas sebagai Pengerusi/Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat kami mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh kami;
- iii. Kami tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88); dan
- iv. Kami sesungguhnya faham bahawa jika kami melanggar mana-mana terma dalam Akuan Ini, kami boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 605, Akta badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.